



PBD

总结式课堂评估
PENTAKSIRAN SUMATIF



Berdasarkan

Jadual Spesifikasi Ujian

Julai (JSU) 2024

模拟评估 KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik

国文

Bahasa
Melayu

Tahun

6



4+1

set kertas model

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks



PERCUMA

1 set Kertas Model UASA Digital
<https://bit.ly/492nPzw>



Rosnani Majid Faris Syazwan

Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
yang boleh diedit disediakan.
<https://bit.ly/3CyBn9D>

Nama

Kelas

Sekolah

BAHASA MELAYU [011]**Satu jam lima belas minit**

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A
[10 markah]**Soalan 1 dan 2**

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Nisa _____ untuk membeli beg tangan baharu apabila wang simpanannya sudah mencukupi ^{足够}
- A terancang
B rancangan ^{计划 (名)}
C perancang ^{计划者}
D merancang ^{计划 (动)}

Morfologi Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

Teliti penggunaan kata berimbuhan yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 “_____, hebatnya! Tahniah, kamu telah berjaya menghasilkan produk inovasi yang baharu,” kata Puvani kepada kawannya. ^{出产} ^{革新}
- A Oh
B Wah
C Aduh
D Aduhai

Morfologi Aras R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Usah terperdaya dengan pelbagai skim pelaburan di media sosial. ^{上当/欺骗}
B Tolong hadir ke seminar kewangan yang diadakan pada malam ini. ^{讲座}
C Jangan siapkan jadual perbelanjaan untuk kegunaan program itu nanti. ^{花销}
D Jemput serahkan rancangan perniagaan ini kepada pegawai yang berkenaan. ^{交出} ^{计划} ^{生意}

Sintaksis Aras S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rohit mengunjungi kedai peranti itu untuk membeli pengecas telefon pintarnya. Jurujual di kedai itu menunjukkan pelbagai jenis pengecas telefon pintar kepada Rohit. Jurujual itu turut memperkenalkan satu produk baharu yang sedang dipromosikan, iaitu rantai kunci pintar. Produk itu berfungsi sebagai penjejak untuk mengesan dan mencari barangan peribadi seperti beg, dompet, dan kunci.

Rantai kunci pintar itu istimewa kerana dilengkapi dengan Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) yang dapat diakses menerusi aplikasi dalam talian dengan menggunakan peranti pintar. Rantai kunci pintar itu dapat dilekatkan pada barangan peribadi pengguna. Sekiranya barangan itu hilang, lokasi barangan itu dapat dijejaki. Rohit berasa kagum apabila mendengar penerangan jurujual itu. Rohit pun membeli rantai kunci pintar itu.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa jurujual itu mempromosikan rantai kunci pintar kepada Rohit.

4 Apakah produk baharu yang dipromosikan oleh jurujual itu kepada Rohit?

- A Kunci pintar
- B Telefon pintar
- C Rantai kunci pintar
- D Pengecas telefon pintar

Memahami Aras R

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

- A Rantai kunci pintar itu dapat diakses tanpa menggunakan peranti pintar.
- B Rohit berasa gembira apabila mendengar penerangan jurujual di kedai itu.
- C Produk baharu itu dapat diakses secara terus dengan barangan peribadi pengguna.
- D Lokasi barangan yang hilang dapat dijejaki sekiranya barangan itu dilekatkan dengan rantai kunci pintar.

Mengaplikasi Aras S

6 Yang berikut ialah barang yang boleh dilekatkan pada rantai kunci pintar berdasarkan petikan *kecuali*

- A beg.
- B kunci.
- C kereta.
- D dompet.

Menganalisis Aras T

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.


BAHAN 1

Kakak Su Min, Su Mei merupakan seorang ^是 ^{年轻企业家} (usahawan muda) Su Mei mempunyai ^{生意} perniagaan kecil-kecilan, iaitu menjual sabun organik. Sabun organik yang dijual oleh Su Mei merupakan produk ^{亲手} buatan sendiri yang dihasilkan di rumahnya. Su Mei memulakan perniagaan ini kerana dia ^{兴趣} minat akan barangan kesihatan dan kecantikan.

Su Mei mula ^卖 menjual sabun organik selepas mendapat ^{鼓励} dorongan daripada ibu bapanya. Pada awalnya, dia ^{只是} hanya memasarkan produk jualan ^{扩大} nya kepada kawan-kawannya. Kemudian, perniagaannya semakin berkembang dan dikenali ramai di media sosial. Su Mei gembira kerana minat dan hobinya ini mampu ^{产生} menjanakan pendapatan yang ^{收入} stabil. Kejayaan Su Mei menjadi sumber ^{灵感} inspirasi kepada adiknya, Su Min. Su Min merancang untuk menceburi bidang keusahawanan apabila dia dewasa kelak. ^{将来}

^{投入} ^{界/系}

^{pasar 市场}
^{memasarkan 销售}

BAHAN 2

- 7 Su Mei menghasilkan sabun organiknya di
- A kilang.
 - B rumah.
 - C sekolah.
 - D media sosial.

Memahami Aras R

- 8 Su Mei mempunyai perniagaan kecil-kecilan, iaitu menjual sabun organik.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A buah.
- B buku.
- C cebis.
- D potong.

Penjodoh Bilangan Aras R

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

- 9 Perkataan *stabil* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A laju.
- B kuat.
- C tahan.
- D kukuh.

Memahami Aras S

- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Su Min telah menjadi inspirasi kepada kakaknya, Su Mei.
- B Perniagaan sabun organik Su Mei semakin dikenali di media sosial.
- C Banyak pengalaman dapat digunakan apabila menjadi usahawan muda.
- D Su Mei memulakan perniagaan sebelum mendapat dorongan daripada ibu bapanya.

Menganalisis Aras T

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Shazril mempunyai sebuah kediaman pintar. Kediaman Encik Shazril dilengkapi dengan pelbagai teknologi yang canggih dan moden. Teknologi ini memudahkan urusan harian Encik Shazril dan keluarganya. Peralatan dan sistem di rumah Encik Shazril dapat dikawal dengan menggunakan capaian Internet, aplikasi mudah alih, dan arahan suara.

Antara ciri-ciri pintar kediaman Encik Shazril termasuklah sistem pencahayaan yang disesuaikan mengikut waktu malam dan siang. Selain itu, rumah beliau dilengkapi dengan sistem suhu untuk memastikan suhu di rumah sentiasa nyaman dan tenang. Terdapat juga sistem keselamatan seperti kamera keselamatan dan peralatan pintar yang dapat dikawal dari jauh seperti televisyen, peti sejuk, mesin basuh, dan pendingin hawa. Kediaman pintar ini semestinya menambahkan keselesaan kepada kehidupan Encik Shazril sekeluarga.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa kediaman pintar Encik Shazril dilengkapi dengan pelbagai teknologi yang canggih dan moden.

1 (a) Kediaman pintar Encik Shazril dilengkapi dengan pelbagai _____

Memahami Aras R [1 markah]

(b) Bagaimanakah peralatan dan sistem rumah Encik Shazril dikawal?

Mengaplikasi Aras R [2 markah]

(c) Gariskan satu kata berimbuhan yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Selain itu, rumah beliau dilengkapi dengan sistem suhu untuk memastikan suhu di rumah sentiasa nyaman dan tenang.

Morfologi Aras S [1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Kediaman pintar ini semestinya menambah keselesaan kepada kehidupan Encik Shazril sekeluarga.

Kehidupan Encik Shazril sekeluarga semestinya bertambah selesa dengan adanya kediaman pintar ini.	
Kehidupan Encik Shazril sekeluarga semestinya menambah keselesaan kepada kediaman pintar ini.	

Sintaksis Aras T [1 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Sejak kecil, Adli dididik untuk menabung. Adli mempunyai beberapa buah tabung. Setelah beberapa tahun, tabung-tabungnya sudah penuh dan mencapai jumlah yang disasarkan olehnya.

2 Pada pendapat kamu, apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Adli? **KBAT**

Menganalisis Aras T [5 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah ini tentang individu yang berinovasi tinggi.

Tulis pendapat kamu tentang ciri-ciri individu yang berinovasi tinggi.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T



TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang ciri-ciri individu yang berinovasi tinggi.


Bahagian D

[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. **KBAT**

Karangan: Mencipta Aras T

KARNIVAL KEUSAHAWANAN DI SEKOLAH



1 Tulis cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tulis ceramah berdasarkan gambar di atas.